

| <p>LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK</p> <p>Sila baca Lembaran Pendedahan Produk sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil pinjaman sewa beli yang ditawarkan oleh CIMB Bank Berhad. Sila dapatkan penjelasan daripada CIMB Bank Berhad (“Bank”) sekiranya anda tidak jelas tentang mana-mana bahagian maklumat atau terma-terma am di dalam lembaran ini.</p> | <p>CIMB Bank Berhad</p> <p>Sewa Beli – Kadar Tetap dan Kadar Boleh Ubah (Dikawal selia oleh Akta Sewa Beli 1967)</p> <p>Tarikh :</p> | | | | | | |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------|----|---|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <p>1. Apakah produk ini?</p> <p>Sewa beli bertujuan membayai pembelian kenderaan. Caj dan faedah yang anda bayar terhadap sewa beli dikira atas dasar kadar tetap atau kadar boleh ubah. Bank terus memiliki kenderaan sehingga sewa beli diselesaikan dengan sepenuhnya. Bergantung pada penilaian kredit anda, Bank mungkin memerlukan Penjamin untuk menjamin kewajipan anda. Operasi sewa beli ini dikawal selia oleh Akta Sewa Beli 1967.</p> | | | | | | | |
| <p>2. a. Apakah yang saya perolehi dari produk ini?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Harga Pembelian : RM • Jumlah Penuh Yang Dibiayai : RM • Caj Terma : RM • Margin Pembiayaan : % • Tempoh Pinjaman : bulan • Kadar Tetap (<i>yang mana berkenaan</i>) : % • Kadar Boleh Ubah (<i>yang mana berkenaan</i>) : % (KPA +/- _____ %) • Kadar Peratusan Tahunan : % • Kadar Pinjaman Asas (“KPA”) Semasa : % pada | | | | | | | |
| <p><u>Nota:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Caj/kadar terma mungkin berubah tertakluk kepada penilaian kredit Bank. • Caj terma untuk Kadar Boleh Ubah mungkin berbeza jika KPA berubah. | | | | | | | |
| <p>b. Apabila caj terma dikira pada Kadar Boleh Ubah</p> <ul style="list-style-type: none"> • Caj terma dikira berdasarkan Baki Berjadual dan akan dicaj ke akaun anda pada setiap bulan. <p><u>Nota:</u></p> <p>“Baki Berjadual” adalah jadual yang ditentukan terlebih dahulu berdasarkan jumlah penuh yang dibiayai di bawah sewa beli atas dasar bahawa ansuran bulanan telah dibayar, bila dan apabila kena dibayar.</p> | | | | | | | |
| <p>3. Apakah kewajipan saya?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jumlah ansuran bulanan : RM • Jumlah penuh yang perlu dibayar termasuk jumlah yang dibiayai adalah : RM <p><u>Nota :</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Untuk pembiayaan kadar boleh ubah, ansuran bulanan dan jumlah penuh yang perlu dibayar mungkin berubah jika KPA berubah. • Semakan semula KPA akan menyebabkan kenaikan/pengurangan ke atas ansuran bulanan atau memanjangkan/memendekkan tempoh pinjaman kemudahan (berdasarkan pilihan penyewa). • Apa-apa pembayaran yang dibuat melebihi ansuran bulanan yang perlu dibayar akan dianggap sebagai pembayaran terdahulu. Pembayaran tersebut tidak akan dalam apa cara jua mengurangkan jumlah faedah yang perlu dibayar dan tidak boleh dikeluarkan semula. Pembayaran terdahulu tersebut akan digunakan untuk membayar ansuran seterusnya yang kena dibayar atau sebarang fi dan caj. | | | | | | | |
| <p>4. Apakah yuran atau caj yang perlu saya bayar?</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center; padding: 5px;">No</th> <th style="text-align: center; padding: 5px;">Jenis-jenis Bayaran</th> <th style="text-align: center; padding: 5px;">RM</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center; padding: 5px;">1</td> <td style="padding: 5px;"> Bayaran Pos Berdaftar untuk Notis Berkanun <ul style="list-style-type: none"> • Notis Jadual Keempat • Notis Niat Untuk Tarik • Notis Jadual Kelima • Surat Akuan (Borang 16) </td> <td style="text-align: center; padding: 5px;"> <ul style="list-style-type: none"> • 5.80* untuk akaun tanpa penjamin • 11.60* untuk akaun dengan satu (1) penjamin <p style="margin-top: 10px;">Nota: Caj yang ditunjukkan adalah untuk setiap notis yang dihantar.</p> </td> </tr> </tbody> </table> | | No | Jenis-jenis Bayaran | RM | 1 | Bayaran Pos Berdaftar untuk Notis Berkanun <ul style="list-style-type: none"> • Notis Jadual Keempat • Notis Niat Untuk Tarik • Notis Jadual Kelima • Surat Akuan (Borang 16) | <ul style="list-style-type: none"> • 5.80* untuk akaun tanpa penjamin • 11.60* untuk akaun dengan satu (1) penjamin <p style="margin-top: 10px;">Nota: Caj yang ditunjukkan adalah untuk setiap notis yang dihantar.</p> |
| No | Jenis-jenis Bayaran | RM | | | | | |
| 1 | Bayaran Pos Berdaftar untuk Notis Berkanun <ul style="list-style-type: none"> • Notis Jadual Keempat • Notis Niat Untuk Tarik • Notis Jadual Kelima • Surat Akuan (Borang 16) | <ul style="list-style-type: none"> • 5.80* untuk akaun tanpa penjamin • 11.60* untuk akaun dengan satu (1) penjamin <p style="margin-top: 10px;">Nota: Caj yang ditunjukkan adalah untuk setiap notis yang dihantar.</p> | | | | | |

| No | Jenis-jenis Bayaran | RM |
|----|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------|
| 2 | Duti Setem untuk Perjanjian Sewa Beli / Jaminan | 10.00 setiap perjanjian |
| 3 | Duti Setem untuk Perjanjian Penjadualan dan Penyusunan Semula | 10.00 setiap perjanjian |
| 4 | Perkhidmatan Kurier <ul style="list-style-type: none"> • Di dalam Malaysia • Ke Malaysia Timur | 10.00 setiap permohonan 15.00 setiap permohonan |
| 5 | Kebenaran untuk pemindahan kenderaan di antara Semenanjung Malaysia dan Malaysia Timur | 50.00 setiap surat |
| 6 | Pengesahan Audit | 10.00 setiap permohonan |
| 7 | Salinan Perjanjian Jaminan | 8.00 setiap permohonan |
| 8 | Salinan Perjanjian Sewa Beli | 16.00 setiap permohonan |
| 9 | Salinan Kelulusan Permit | 7.00 setiap permohonan |
| 10 | Salinan Kad Pendaftaran Kenderaan | 7.00 setiap permohonan |

Nota:

*Caj ini adalah caj indikatif sahaja dan mungkin berbeza berdasarkan caj penghantaran sebenar oleh Pos Malaysia.

- Cukai ke atas produk dan perkhidmatan (termasuk namun tidak terhad kepada cukai perkhidmatan, cukai tidak langsung atau cukai pegangan) yang mana berkenaan, seperti yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia dan apa-apa cukai yang kena dibayar berkaitan dengan atau yang timbul daripada kemudahan pembiayaan/akaun yang akan dibayar.

5. Bagaimana jika saya gagal melaksanakan kewajipan saya?

- Caj lewat bayar sama ada pada kadar (a) 8% setahun (bagi caj bertempoh kadar tetap) atau (b) 2% setahun melebihi kadar caj bertempoh semasa yang berkuat kuasa (bagi caj bertempoh kadar boleh ubah), akan dikenakan ke atas jumlah yang tertunggak. Caj ini akan dikira atas dasar harian dari tarikh kena dibayar hingga satu hari sebelum tarikh pembayaran dibuat atas sebarang bayaran tertunggak yang perlu dibayar oleh penyewa dan akan dicaj ke akaun kemudahan setiap bulan.
- Bank akan melaksanakan hak untuk mengambil semula milikan kenderaan yang dibiayai jika anda gagal membayar dua (2) ansuran bulanan berturut-turut.
- Semua perbelanjaan yang ditanggung untuk mendapatkan semula milikan kenderaan akan dicaj ke atas akaun sewa beli anda.
- Bank akan menjual kenderaan selepas tamat tempoh yang diperuntukkan dalam Notis Jadual Kelima (*Notis kepada Penyewa di bawah Seksyen 16 Akta Sewa Beli 1967*) di bawah perjanjian sewa beli, dan menggunakan hasil jualan tersebut untuk mendapatkan semula semua jumlah pinjaman yang belum dijelaskan jika penebusan tidak dibuat dalam tempoh yang telah ditetapkan.
- Apa-apa kerugian selepas jualan hendaklah ditanggung oleh anda.
- Tindakan undang-undang juga boleh diambil terhadap anda untuk mendapatkan semula jumlah belum dijelaskan di bawah pinjaman. Ini akan menjelaskan kedudukan kredit anda.
- Bank berhak untuk menolak sebarang baki kredit dari akaun anda yang diselenggarakan oleh Bank bagi membayar sebarang baki belum dijelaskan dalam akaun ini setelah memberikan notis 7 hari kalender terlebih dahulu kepada anda.
- Sekiranya Penyewa meninggal dunia dalam tempoh kemudahan Sewa Beli, Pemilik berhak untuk mengambil semula kenderaan tersebut sekiranya terdapat kegagalan pembayaran bulanan selama empat (4) bulan berturut-turut.

6. Bagaimana jika saya membuat pembayaran penuh ke atas pinjaman saya sebelum matang?

- Untuk sewa beli kadar tetap:

Anda berhak menerima rebat iaitu pulangan balik caj bertempoh bagi baki tempoh pinjaman. Pengiraan adalah berdasarkan formula yang ditetapkan di dalam Akta Sewa Beli 1967.

$$\text{Rebat} = \frac{n(n+1)}{N(N+1)} \times \text{TC}$$

Iaitu: n = Baki tempoh pinjaman
 TC = Caj terma
 N = Tempoh pinjaman asal

- Untuk sewa beli kadar boleh ubah :

Jumlah penyelesaian adalah jumlah belum dijelaskan dicampur caj terma yang terakru dan dikira sehingga tarikh pembayaran kena dibayar yang seterusnya.

7. Adakah saya memerlukan sebarang perlindungan insurans?

Anda hendaklah mengambil perlindungan insurans yang komprehensif terhadap kenderaan yang dibiayai di bawah kemudahan sewa beli, dan memastikan perlindungan insurans tersebut terus berkuat kuasa sepanjang tempoh pinjaman.

8. Apakah yang saya perlu lakukan sekiranya terdapat perubahan pada butir-butir hubungan saya?

Anda perlu memaklumkan Bank jika terdapat sebarang perubahan pada butir-butir hubungan anda untuk memastikan semua surat menyurat diterima oleh anda tepat pada masanya atau anda dapat dihubungi dengan kadar segera.

9. Di mana saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?

- Sekiranya anda menghadapi masalah untuk membuat bayaran bulanan, anda diminta untuk menghubungi pihak Bank secepat mungkin untuk berbincang tentang pilihan lain bagi pembayaran. Anda boleh menghubungi Bank seperti berikut:

CIMB Bank Berhad – Unit Resolusi Pelanggan (CRU)
Peti Surat 10338
Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur
50710 Wilayah Persekutuan
Tel : +603 6204 7788 Emel : contactus@cimb.com

- Selain daripada itu, anda juga boleh mendapatkan khidmat nasihat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (“AKPK”), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturran semula pinjaman kepada individu. Anda boleh menghubungi AKPK seperti berikut :

Tingkat 5 & 6, Menara Bumiputera Commerce
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur
Tel : +603 2616 7766 Emel : enquiry@akpk.org.my

- Sekiranya anda ingin membuat aduan berkenaan produk atau perkhidmatan yang disediakan :

CIMB Bank Berhad - Unit Resolusi Pelanggan (CRU)
Peti Surat 10338
Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur
50710 Wilayah Persekutuan
Tel : +603 6204 7788 Emel : contactus@cimb.com

- Jika soalan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh Bank, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia di:

Blok D, Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel : 1 300 88 5465 Faks : +603 2174 1515 Borang Web : bnmlink.bnm.gov.my

10. Di mana saya boleh mendapat maklumat lanjut?

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila kunjungi mana-mana cawangan-cawangan Pusat Perkhidmatan Perbankan Automotif kami di seluruh negara atau laman web Bank di www.cimb.com.my. Anda juga boleh menghubungi Bank di:

Tel : +603 6204 7788 Emel : contactus@cimb.com

11. Jenis pinjaman kenderaan lain.

Tiada.

NOTA PENTING:

1. Kenderaan anda mungkin akan ditarik balik dan seterusnya dijual sekiranya anda tidak membuat bayaran bulanan.
2. Sekiranya anda dan/atau penjamin anda tidak menerima Perjanjian Sewa Beli atau Jaminan, sila hubungi kami melalui butiran hubungan yang tertera di atas.

Penafian:

Lembaran Pendedahan Produk ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Kami akan memberikan anda Lembaran Pendedahan Produk yang telah disesuaikan apabila menerima maklumat tambahan daripada anda.

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sahih pada 24/03/2025.